



Ruj. Kami : PJ12/UiTM/L/24-10

Tarikh : 28hb April 2010

Timbalan Pengarah Pembangunan
Pejabat Pembangunan
Universiti Teknologi Mara,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

(U/P : Tn Hj. Junaidi Muslim)

Tuan,

**PER : CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KABEL 11KV
SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT
KONVENSYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

- Permohonan Tuntutan Bayaran Pendahuluan

Surat "Pemberitahuan Penerimaan Tender" dari tuan dengan No.rujukan : 200-BP-(PB S/1) 11KV . PKK .UiTM.SA bertarikh 5hb Mac 2010 adalah dirujuk.


Seperti perkara 6 dalam surat tersebut, pihak kami dengan rasmi nya ingin memohon jasa baik tuan untuk menimbang permohonan agar dapat membuat pembayaran pendahuluan sebanyak **RM 2,088,513.75 (Dua Juta Lapan Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Tiga Belas Dan Sen Tujuh Puluh Lima Sahaja)** iaitu 25% daripada nilai kerja pembinaan.

Seperti yang di syaratkan, sukacita kami lampirkan cagaran dalam bentuk Jaminan Insurans (sijil asal dan 2 salinan) untuk tindakan tuan.

Kami berharap ianya telah menepati kehendak Kontrak dan maklum balas serta kelulusan tuan amat lah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
PTIS ENGINEERING SDN BHD.


ABDUL KADIR BIDIN
Péngarah Projek



ENGINEERED towards SUCCESS

sk

1. Perunding Juruwas Sdn. Bhd.
No.22A, 1st Floor, Jalan SS 6/8
Kelana Jaya.
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

(U/P: Ir Ahmad Zainal Abdul Rani / En. Razali Ramli)



Ruj. Kami : W/10/BA00/006103

BORANG JAMINAN INSURANS UNTUK BAYARAN PENDAHULUAN
(KONTRAKTOR BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)



Sebagai balasan **Universiti Teknologi MARA** (kemudian daripada ini disebut sebagai **UiTM**) bersetuju membuat bayaran pendahuluan selaras dengan terma dan syarat-syarat Kontrak yang dibuat selaras dengan iklan tender/pelawaan oleh UiTM bertarikh dan tawaran oleh **PTIS Engineering Sdn Bhd**, No. 3-A, Jalan Kelumpang Satu 27/41A, Taman Bunga Negara, Seksyen 27, 40400 Shah Alam, Selangor (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kontraktor") bertarikh dan persetujuan daripada itu melalui Surat Setuju Terima oleh UiTM bil 200-BP (PB 5/1) 11KV.PKK.UiTM SA bertarikh 5 Mac 2010 dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat baru (jika ada), dibuat oleh UiTM dan diterima oleh Kontraktor pada dengan syarat jika kontrak rasmi disediakan berikutnya, selaras dengan terma-terma dan syarat kontrak rasmi tersebut, untuk **"CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVENSYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)"** (kemudian daripada ini disebut "Bekalan"/ "Perkhidmatan"/ "Kerja") kami, yang bertandatangan di bawah ini, atas permintaan Kontraktor, mengaku janji (iaitu aku janji yang tak boleh batal) satu Jaminan kepada UiTM bahawa:

1. Kami hendaklah membayar kepada UiTM tanpa faedah, jumlah wang sebanyak **Ringgit Malaysia : Dua Juta Lapan Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Tiga Belas dan Sen Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM2,088,513.75)** sebagai wang pendahuluan seperti yang tersebut di atas atau sebahagian daripada itu yang belum lagi didapatkan kembali oleh UiTM selaras dengan perenggan 3 atau 4 yang berkenaan dan jumlah harga itu hendaklah dibayar apabila sahaja UiTM membuat tuntutan tanpa mengira apa-apa tentangan atau bantahan daripada Kontraktor atau daripada kami atau daripada mana-mana pihak ketiga yang lain. Sekiranya dalam apa-apa keadaan kami melengah-lengahkan membuat pembayaran dan seumpamanya setelah menerima tuntutan daripada UiTM, maka pihak UiTM berhak menuntut dan berhak dibayar apa-apa kos tambahan sebagai ganti rugi akibat keengganan kami mematuhi syarat-syarat Jaminan ini.
2. Apa-apa konsesi atau tolak ansur yang diberi oleh UiTM kepada Kontraktor atau apa-apa persetujuan antara UiTM dan Kontraktor atau apa-apa pengekangan/penahanan yang dibuat oleh UiTM kepada Kontraktor sama ada berkenaan dengan bayaran, tempoh, prestasi atau selainnya tidak akan melepaskan kami daripada jaminan ini tetapi kami adalah berhak untuk diberitahu akan persetujuan atau perubahan tersebut.



Ruj. Kami : **W/10/BA00/006103**

3. Tertakluk kepada perenggan 4, tanggungjawab kami untuk membayar jumlah yang tersebut sebanyak **RM2,088,513.75** hendaklah secara automatik dikurangkan daripada amaun atau amaun-amaun pembayaran yang dibuat oleh kami kepada UiTM berhubung dengan Jaminan ini.
4. Jumlah wang tersebut yang dijamin oleh kami untuk dibayar kepada UiTM hendaklah dikurangkan secara automatik mengikut kadar potongan yang dibuat oleh UiTM daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor sebagai pembayaran balik wang pendahuluan yang telah dibuat. Jaminan ini terbatal dan hendaklah dikembalikan dengan serta-merta setelah kesemua wang pendahuluan dijelaskan melalui potongan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor, atau selepas semua bekalan telah dihantar/perkhidmatan telah disiapkan/kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan oleh Kontraktor kepada UiTM selaras dengan terma dan syarat-syarat kontrak mengikut mana yang terdahulu.
5. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga **01-08-2010** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal") iaitu meliputi tempoh kontrak. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Luput Asal Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tiga (3) bulan daripada Tarikh Mati Asal (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Lanjutan") apabila diminta oleh UiTM dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan.


Diturunkan tandatangan kami pada hari ini **21** haribulan **April 2010** untuk dan bagi pihak Penjamin di atas.


.....
1. Tee Choon Yeow
Authorised Signatory




.....
2. Lee Chee Hoong
Authorised Signatory

Dihadapan


.....
Shahril Sulaiman
Manager